

Umum

1. Apa itu Pulse?

Pulse adalah satu aplikasi kecergasan dan kesihatan dikuasakan oleh teknologi AI untuk memberi pandangan dan penyelesaian kesihatan relevan yang dapat membantu anda dalam perjalanan ke arah pencapaian kesejahteraan diri anda.

2. Siapa yang boleh muat turun dan menggunakan Pulse?

Pulse tersedia untuk semua orang!

3. Adakah saya perlu membayar untuk menggunakan Pulse?

Anda boleh muat turun dan menggunakan Pulse secara percuma. Penyelesaian kecergasan dan kesihatan mudah tersedia dalam satu platform untuk anda. Walau bagaimanapun, caj mungkin dikenakan untuk perkhidmatan dalam aplikasi tertentu seperti Rundingan Dalam Talian bersama seorang doktor, jika anda bukan pelanggan Prudential.

4. Adakah saya perlu disambung ke Internet untuk menggunakan Pulse?

Ya, anda perlu disambungkan ke internet yang stabil untuk menggunakan Pulse.

5. Bagaimana saya muat turun dan mendaftar untuk Pulse?

- i. Muat turun aplikasi "We Do Pulse" dari App Store (pengguna iOS) atau Google Play (pengguna Android)
- ii. Selepas muat turun dan pemasangan, lengkapkan pendaftaran menggunakan e-mel semasa, akaun Facebook, akaun Google atau akaun Apple anda (pengguna iOS)
- iii. Selepas mendaftar, ikuti arahan yang diberi untuk melengkapkan profil anda sebagai pengguna baharu.

6. Saya cuba mendaftar menggunakan e-mel saya, tetapi saya tidak menerima Kod Pengesahan untuk Penciptaan Akaun.

Sila semak jika kod tersebut dihantar ke folder Remeh atau Spam anda.

7. Fon kelihatan bertindih di Pulse

Sila ubah suai atau kecilkan tetapan saiz fon di telefon anda.

8. Apakah bahasa yang disokong oleh Pulse?

Pulse tersedia dalam bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia.

9. Bolehkah saya menyesuaikan jubin dipaparkan?

Anda hanya boleh menghidupkan atau mematikan jubin Waktu Solat di "Akaun > Tetapan > Membolehkan Ciri Solat"

10. Saya cuba mengesahkan diri saya sebagai pelanggan Prudential, tetapi nombor KP dimasukkan tidak sah?

Sila pastikan anda masukkan nombor KP yang anda gunakan untuk mendaftar sebagai pelanggan Prudential.

11. Bagaimanakah saya boleh mengemas kini maklumat akaun saya?

Klik pada “Profil Saya” di bawah tab “Akaun” dan teruskan mengemas kini butiran anda. Jangan lupa untuk klik “Simpan” di bahagian atas kanan untuk menyimpan kemas kini.

12. Saya tidak dapat mengubah alamat e-mel saya

Alamat e-mel anda ialah pengecam akaun anda dan tidak boleh diubah. Jadi sila pastikan anda menggunakan alamat e-mel semasa anda yang sah untuk mendaftar sebagai pengguna. Jika anda ingin menggunakan e-mel lain untuk akaun Pulse anda, anda perlu mendaftar semula sebagai pengguna baru sekali lagi.

13. Saya mahu mengubah kata laluan saya

Anda boleh mengubah kata laluan di pilihan “Tetapan Saya > Ubah Kata Laluan” di bawah tab “Akaun”.

14. Bagaimanakah saya memuat naik gambar profil saya?

Anda boleh muat naik gambar anda terus dari kamera atau album daripada peranti mudah alih anda di “Profil Saya” di bawah tab “Akaun”.

15. Bagaimanakah saya kongsi aplikasi ini dengan rakan-rakan dan keluarga saya?

Gunakan fungsi ‘Kongsi dengan Rakan’ di tab “Laman Utama” untuk kongsi aplikasi ini dengan rakan-rakan dan keluarga anda.



Klik pada 'Laman Utama' dan skrol ke bawah dan cari jubin 'Kongsi dengan rakan'

Pilih aplikasi sosial pilihan anda untuk kongsi aplikasi Pulse kepada rakan-rakan dan keluarga anda

16. Bagaimanakah saya menghubungi pasukan Pulse by Prudential?

Anda boleh menggunakan ciri “Maklum Balas Saya” di bawah tab “Akaun untuk menghubungi kami.

17. Saya mahu mendapatkan berita Pulse yang terkini

Kami akan kongsi berita atau promosi terkini melalui notifikasi dalam aplikasi. Kami sangat menyarankan anda untuk menghidupkan ciri notifikasi untuk Pulse agar anda boleh menikmati keupayaannya yang terbaik.

18. Saya terlupa kata laluan saya. Bagaimanakah saya tetapkan semula kata laluan saya?

Klik pada “Terlupa Kata Laluan?” di laman log masuk dan ikuti arahan untuk tetapkan semula kata laluan anda. Sila maklum bahawa anda perlu mengakses akaun e-mel berdaftar anda untuk mengambil semula satu kod pengesahan dan kata laluan sementara untuk berbuat demikian. Jika anda tidak menerima sebarang e-mel penetapan semula kata laluan, sila semak folder ‘Remeh’ atau ‘Spam’ anda.

19. Adakah data kesihatan diperolehi daripada Pulse mempengaruhi apa-apa keputusan penajajaminan?

Tidak. Hal ini demikian kerana Prudential tidak mempunyai akses ke data kesihatan yang dikumpul oleh Pulse.

20. Adakah Pulse mengumpul data kesihatan?

Tiada perkongsian data kesihatan oleh rakan-rakan kami bersama Prudential buat masa ini. Jika Pulse berbuat demikian di masa hadapan, data tersebut akan dikongsi dengan kami HANYA dengan kebenaran pengguna.

21. Adakah data yang terkumpul di Pulse adalah menurut klausa PDPA?

Ya, Pulse melindungi privasi anda menurut Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 (“PDPA”).

22. Apakah versi peranti OS (Sistem Pengoperasian) yang disokong oleh Pulse?

Untuk pengalaman terbaik di Pulse, sila gunakan versi 8 dan ke atas Android atau versi 12 dan ke atas iOS.

23. Bila saya cuba memuat turun aplikasi ini, saya menerima notifikasi ‘peranti anda tidak serasi’?

Pastikan OS (Sistem Pengoperasian) peranti mudah alih dikemasi kini sekurang-kurangnya, ke versi 8 dan ke atas Android atau versi 12 dan ke atas iOS untuk kebolehcapaian.

24. Saya tidak dapat melancarkan aplikasi Pulse saya.

Untuk pengguna iOS, sila cuba menyahpasang dan memasang semula aplikasi. Untuk pengguna Android, sila cuba kosongkan cache aplikasi dan cuba lagi. Data anda tidak akan terjejas.

Ciri-Ciri


Apakah ciri-ciri yang tersedia di Pulse?

- **Pemeriksa Simptom** – Fahami simptom-simptom anda dengan lebih baik dan belajar mengenai punca-punca, kondisi, dan isu-isu penyebab dengan maklumat mudah untuk difahami apabila anda menjawab satu siri soalan bersama *chatbot* dikuasakan AI kami. Sama ada sakit dada, kerisauan mengenai tahap kolesterol, migrain, sakit kepala, atau demam – bantuan dalam satu klik jauh sahaja.
- **Pemeriksa Kesihatan** – Lengkapkan penilaian dalam talian dan dapatkan petunjuk mengenai tahap kesihatan anda melalui satu Kembar Digital.
- **Rundingan Dalam Talian** – Jumpa seorang doktor yang disediakan oleh DoctoronCall, walaupun anda tidak berkesempatan untuk buat begitu. Membuat panggilan video atau audio dengan seorang doktor di mana-mana saja anda berasa. Kos rundingan adalah RM10.00 untuk bukan pelanggan Prudential dan percuma untuk pelanggan Prudential. Perkhidmatan ini tersedia di 0800-2359 setiap hari.
- **Amaran Denggi** – kekal peka dan meramal penularan denggi seterusnya berdasarkan lokasi anda sehingga 3 bulan lebih awal.
- **Pengesan Kecergasan** – Import data kesihatan daripada aplikasi kesihatan dan peranti boleh pakai sedia ada. Pulse sedia disepadukan dengan aplikasi Kesihatan Apple di peranti iOS atau aplikasi Google Fit di peranti Android anda. Pengesan kecergasan dan kesihatan lain yang disokong buat masa ini termasuklah Garmin dan FitBit.
- **Navigasi** – Mengesan klinik, hospital dan pakar perubatan terdekat berdasarkan lokasi anda.
- **Waktu Solat** – Dimaklumkan tentang masa masuk waktu dan tamat solat di mana-mana jua anda berada.
- **Kandungan Kesihatan Saya** – Sama ada anda ingin mendapatkan panduan diet, perjalanan kecergasan atau tip mudah dan senang untuk kekal sihat, dapatkan inspirasi dengan kandungan pemakanan, kecergasan, perubatan, gaya hidup, kesejahteraan dan kesihatan Pulse yang mudah dan bermanfaat.
- **Komuniti Saya** - Sama ada anda ingin mendapatkan panduan diet, perjalanan kecergasan atau tip mudah dan senang untuk kekal sihat, dapatkan inspirasi dengan kandungan pemakanan, kecergasan, perubatan, gaya hidup, kesejahteraan dan kesihatan Pulse yang mudah dan bermanfaat bersama-sama komuniti sehaluan anda.
- **Kongsi dengan Rakan** – membolehkan anda untuk berkongsi melalui pelbagai platform seperti WhatsApp, SMS, Messenger, Viber dan Line.
- **Indeks BMI** – Ciri dikuasakan oleh AI yang meramai BMI anda berdasarkan swafoto anda.
- **Indeks Kedutan** – Ciri dikuasakan oleh AI yang meramal indeks kedutan anda berdasarkan swafoto anda.

Ganjaran

1. Kenapa saya tidak dapat melihat ganjaran saya?

Anda perlu melengkapkan pendaftaran pengguna anda dan Pemeriksa Kesihatan (Pemeriksaan Kesihatan) sebelum ganjaran boleh diakses di bahagian “Ganjaran Saya” di bawah tab “Akaun”, ini termasuklah kod QR Starbucks dan ganjaran terkini seperti baucar Watsons untuk pengguna baru.



Klik pada 'Akaun'
dan 'Ganjaran Saya'

Klik untuk melihat
ganjaran anda

2. Kenapa baucar ganjaran yang digunakan masih dipaparkan di bahagian “Ganjaran Saya”?

Baucar ganjaran yang digunakan akan dibuang daripada bahagian “Ganjaran Saya” secara automatik selepas baucar disahkan oleh Saudagar. Ulasan status baucar yang digunakan boleh dilewatkan bergantung pada pengesahan Saudagar. Jika anda masih ingin menjelaskan kesahan baucar anda, anda boleh menulis kepada pasukan Pulse di bahagian “Maklum Balas saya” di bawah tab “Akaun”.